

Penukaran Akaun Semasa-i/ Akaun Simpanan-i (“CASA-i”) kepada Akaun Semasa-i/ Akaun Semasa-i Berasaskan Komoditi *Murabahah* (“CM CASA-i”)

Soalan Lazim

1.	S	Bolehkah anda terangkan mengenai pelaksanaan penukaran ini?
	J	Ini adalah penukaran Akaun Semasa-i/ Akaun Simpanan-i (CASA-i) kepada Akaun Semasa-i/ Akaun Simpanan-i yang berasaskan Komoditi <i>Murabahah</i> (CM CASA-i) yang akan berkuat kuasa pada 18 September 2017.
2.	S	Apakah objektif pelaksanaan penukaran ini?
	J	Ini merupakan inisiatif Bank untuk menyediakan produk deposit yang lebih baik kepada pelanggan kami yang bukan sahaja bermanfaat daripada segi kewangan tetapi akan memberikan anda ketenangan minda kerana Akaun Semasa-i/ Akaun Simpanan-i berasaskan Komoditi <i>Murabahah</i> (CM CASA-i) yang baharu tersebut menawarkan kadar keuntungan tetap di mana ia akan dimaklumkan kepada anda terlebih dahulu semasa penukaran/pembukaan akaun.
3.	S	Apakah Syariah kontrak yang baharu selepas penukaran?
	J	Selepas penukaran, kontrak Syariah yang baharu akan diubah daripada <i>Wadi’ah Yad Dhamanah</i> (Simpanan Terjamin) kepada Komoditi <i>Murabahah</i> melalui aturan <i>Tawarruq</i> . Ini merujuk kepada dua kontrak jual beli yang mana yang pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara tertanggung dan jualan yang berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.
4.	S	Berdasarkan soalan no. 3, boleh anda terangkan dengan lebih lanjut?
	J	Langkahnya adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Semasa pembukaan akaun, anda akan melantik Bank sebagai ejen anda untuk membeli komoditi yang mematuhi Syariah daripada mana-mana pihak ketiga dan sesudah itu, menjual komoditi tersebut kepada Bank. ii. Pihak Bank, yang bertindak sebagai ejen, akan membeli Komoditi bagi pihak anda (setelah menerima wang) pada Harga Belian yang bersamaan dengan Penambahan Bersih. (Anda juga berhak untuk meminta dan menerima penghantaran fizikal komoditi tersebut dengan kos dan perbelanjaan anda sendiri). iii. Pihak Bank selepas itu, di atas kapasitinya sendiri, akan membeli Komoditi daripada anda pada Harga Jualan yang terdiri daripada Harga Belian dan Keuntungan Siling yang akan dibayar kepada anda apabila matang. iv. Pihak Bank selepas itu, boleh menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga. <p>Kontrak jualan dan pembelian dalam aturan <i>Tawarruq</i> akan dilaksanakan semasa penempatan deposit permulaan, apabila terdapat Penambahan Bersih deposit dan semasa pembaharuan deposit pada akhir tempoh.</p> <p>Definisi: “Penambahan Bersih” merujuk mana-mana penambahan deposit pada Baki Terakhir (BT) pada</p>

		<p>mana-mana hari, dan BT bagi pembukaan akaun.</p> <p>“Harga Belian” merujuk jumlah yang bersamaan dengan Penambahan Bersih dan/atau Jumlah Baki Pelanggan yang akan digunakan untuk membeli komoditi pada hari dagangan dalam setiap Dagangan Komoditi.</p> <p>“Harga Jualan” merujuk jumlah yang perlu dibayar oleh Bank kepada Pelanggan untuk pengambilalihan aset secara <i>Murabahah</i> yang terdiri daripada Harga Belian dan keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling.</p> <p>Nota: Perdagangan komoditi dilaksanakan melalui platform komoditi.</p>
5.	S	Mengapa saya perlu melantik Bank sebagai ejen?
	J	Pihak Bank akan bertindak sebagai ejen bagi pihak anda untuk membeli dan menjual komoditi bagi memudahkan proses Dagangan Komoditi antara tiga pihak iaitu Bank, Pelanggan dan Platform Dagangan Komoditi.
6.	S	Adakah saya masih layak untuk mendapat perlindungan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?
	J	Ya, anda masih layak untuk mendapat perlindungan sehingga RM250,000.
7.	S	Di manakah saya boleh merujuk untuk kadar keuntungan produk ini?
	J	Kadar keuntungan untuk produk ini akan dipaparkan di laman web kami di www.ambank.com.my dan di papan kadar niaga elektronik/TV di cawangan AmBank Islamic/AmBank kami.
8.	S	Bagaimanakah Bank akan membayar keuntungan tersebut?
	J	Keuntungan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun anda pada setiap akhir bulan.
9.	S	Bolehkah anda berikan ilustrasi pengiraan keuntungan?

A	<p>Ilustrasi: Kadar Keuntungan Siling (KKS) = 5% setahun Kadar Keuntungan Efektif (KKE) = 3% setahun Jumlah deposit permulaan = RM10,000 Tarikh deposit = 24 Disember 2017</p> <p>Rajah 1</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tarikh Dagangan</th> <th>Simpanan (+) / Pengeluaran (-) (RM)</th> <th>Peningkatan Bersih/Harga Pembelian (RM) (a)</th> <th>Baki Hari Akhir (RM) (b)</th> <th>Bilangan Hari Berbaki (c)</th> <th>Keuntungan Yang Dikreditkan* (RM) (b x KKE x 1/365 or 366)</th> <th>Keuntungan Siling** (RM) (a x KKS x c/365 or 366)</th> <th>Harga Jualan (RM) (a + Keuntungan Siling)</th> <th>Hamish Jiddiyah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>24/12</td> <td>+10,000</td> <td>10,000</td> <td>10,000</td> <td>8</td> <td>0.82</td> <td>10.96</td> <td>10,010.96</td> <td></td> </tr> <tr> <td>25/12</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>10,000</td> <td>7</td> <td>0.82</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>26/12</td> <td>+5,000</td> <td>5,000</td> <td>15,000</td> <td>6</td> <td>1.23</td> <td>4.11</td> <td>5,004.11</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>27/12</td> <td>-2,000</td> <td>-</td> <td>13,000</td> <td>5</td> <td>1.07</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>28/12</td> <td>+3,000 -1,500</td> <td>1,500</td> <td>14,500</td> <td>4</td> <td>1.19</td> <td>0.82</td> <td>1,500.82</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>29/12</td> <td>+1,000 -2,000</td> <td>-</td> <td>13,500</td> <td>3</td> <td>1.11</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>30/12</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>13,500</td> <td>2</td> <td>1.11</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>31/12</td> <td>+3,000</td> <td>+3,000</td> <td>16,500</td> <td>1</td> <td>1.11</td> <td>0.41</td> <td>3,000.41</td> <td>0.25</td> </tr> <tr> <td colspan="5" style="text-align: center;">Total</td> <td>8.46</td> <td>16.30</td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>*Keuntungan Yang Dikreditkan adalah keuntungan sebenar yang dikira berdasarkan KKE. KKE bermaksud kadar sebenar yang digunakan bagi pengiraan Keuntungan Yang Dikreditkan. **Keuntungan Siling digunakan untuk pengiraan Harga Jualan berdasarkan KKS. KKS bermaksud kadar keuntungan yang digunakan bagi pengiraan Keuntungan Siling.</p>								Tarikh Dagangan	Simpanan (+) / Pengeluaran (-) (RM)	Peningkatan Bersih/Harga Pembelian (RM) (a)	Baki Hari Akhir (RM) (b)	Bilangan Hari Berbaki (c)	Keuntungan Yang Dikreditkan* (RM) (b x KKE x 1/365 or 366)	Keuntungan Siling** (RM) (a x KKS x c/365 or 366)	Harga Jualan (RM) (a + Keuntungan Siling)	Hamish Jiddiyah (RM)	24/12	+10,000	10,000	10,000	8	0.82	10.96	10,010.96		25/12	-	-	10,000	7	0.82	-	-	-	26/12	+5,000	5,000	15,000	6	1.23	4.11	5,004.11	-	27/12	-2,000	-	13,000	5	1.07	-	-	-	28/12	+3,000 -1,500	1,500	14,500	4	1.19	0.82	1,500.82	-	29/12	+1,000 -2,000	-	13,500	3	1.11	-	-	-	30/12	-	-	13,500	2	1.11	-	-	-	31/12	+3,000	+3,000	16,500	1	1.11	0.41	3,000.41	0.25	Total					8.46	16.30		
	Tarikh Dagangan	Simpanan (+) / Pengeluaran (-) (RM)	Peningkatan Bersih/Harga Pembelian (RM) (a)	Baki Hari Akhir (RM) (b)	Bilangan Hari Berbaki (c)	Keuntungan Yang Dikreditkan* (RM) (b x KKE x 1/365 or 366)	Keuntungan Siling** (RM) (a x KKS x c/365 or 366)	Harga Jualan (RM) (a + Keuntungan Siling)	Hamish Jiddiyah (RM)																																																																																									
24/12	+10,000	10,000	10,000	8	0.82	10.96	10,010.96																																																																																											
25/12	-	-	10,000	7	0.82	-	-	-																																																																																										
26/12	+5,000	5,000	15,000	6	1.23	4.11	5,004.11	-																																																																																										
27/12	-2,000	-	13,000	5	1.07	-	-	-																																																																																										
28/12	+3,000 -1,500	1,500	14,500	4	1.19	0.82	1,500.82	-																																																																																										
29/12	+1,000 -2,000	-	13,500	3	1.11	-	-	-																																																																																										
30/12	-	-	13,500	2	1.11	-	-	-																																																																																										
31/12	+3,000	+3,000	16,500	1	1.11	0.41	3,000.41	0.25																																																																																										
Total					8.46	16.30																																																																																												
10.	S	Adakah terdapat sebarang perubahan dalam ciri-ciri produk?																																																																																																
	J	Ciri-ciri produk ini (termasuk yuran dan caj) adalah tetap sama seperti CASA-i yang sedia ada.																																																																																																
11.	S	Apakah produk yang terlibat dalam pelaksanaan penukaran ini?																																																																																																
	J	Berikut adalah produk yang terlibat dalam penukaran ini: <table border="1" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th>No.</th> <th>Produk</th> <th>Jenis Deposit</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Akaun Simpanan Asas-i</td> <td>Simpanan</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Akaun-i Savers G.A.N.G</td> <td>Simpanan</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Akaun Semasa Asas-i</td> <td>Semasa</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Akaun Semasa-i</td> <td>Semasa</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Akaun Harian-i (Penyelesaian-i Family First)</td> <td>Semasa</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>Akaun Simpanan Khas-i (Penyelesaian-i Family First)</td> <td>Simpanan</td> </tr> </tbody> </table>							No.	Produk	Jenis Deposit	1.	Akaun Simpanan Asas-i	Simpanan	2.	Akaun-i Savers G.A.N.G	Simpanan	3.	Akaun Semasa Asas-i	Semasa	4.	Akaun Semasa-i	Semasa	5.	Akaun Harian-i (Penyelesaian-i Family First)	Semasa	6.	Akaun Simpanan Khas-i (Penyelesaian-i Family First)	Simpanan																																																																					
No.	Produk	Jenis Deposit																																																																																																
1.	Akaun Simpanan Asas-i	Simpanan																																																																																																
2.	Akaun-i Savers G.A.N.G	Simpanan																																																																																																
3.	Akaun Semasa Asas-i	Semasa																																																																																																
4.	Akaun Semasa-i	Semasa																																																																																																
5.	Akaun Harian-i (Penyelesaian-i Family First)	Semasa																																																																																																
6.	Akaun Simpanan Khas-i (Penyelesaian-i Family First)	Simpanan																																																																																																

12.	S	Semasa penukaran, adakah pelanggan dibenarkan untuk melakukan transaksi di Kaunter atau melalui Mesin Juruwang Automatik (“ATM”)/Mesin Deposit Tunai (“CDM”)/Mesin Deposit Cek (“CQM”)?
	J	Ya.
13.	S	Adakah penukaran ini akan menjejaskan operasi akaun saya yang sedia ada, contohnya nombor akaun, arahan tetap, dll.?
	J	Operasi yang sedia ada untuk akaun anda termasuk nombor akaun, arahan tetap, auto debit, dsb. akan kekal tanpa sebarang perubahan.
14.	S	Adakah saya perlu menukar buku simpanan saya?
	J	Anda akan menerima buku simpanan baharu semasa melakukan transaksi anda yang berikutnya di cawangan. Walau bagaimanapun, kami ada menyediakan pilihan akaun tanpa buku simpanan untuk anda mengendalikan akaun anda. Oleh itu, bagi memudahkan penggunaan, lebih kemudahan dan demi menyokong amalan mesra alam, kami menggalakkan anda untuk beralih kepada akaun tanpa buku simpanan.
15.	S	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya berhasrat untuk memilih akaun tanpa buku simpanan?
	J	Sila kunjungi cawangan yang terdekat dengan anda untuk menukar akaun anda kepada akaun tanpa buku simpanan.
16.	S	Dimanakah saya boleh melihat terma dan syarat baharu untuk akaun ini?
	J	Terma dan syarat baharu akan disediakan di laman web kami. Ia juga dicetak di buku simpanan baharu anda dan juga boleh didapati di mana-mana cawangan AmBank Islamic/AmBank kami.
17.	S	Adakah saya mempunyai pilihan lain sekiranya saya tidak berhasrat untuk menukar CASA-i saya yang sedia ada kepada CM CASA-i?
	J	Buat masa ini, Bank tidak menawarkan sebarang produk CASA-i berdasarkan kontrak Syariah selain daripada Komoditi <i>Murabahah</i> . Harap maklum bahawa produk di bawah CM CASA-i adalah serupa dengan produk yang sedang anda langgani. Di samping itu, selepas penukaran yang dilakukan untuk anda tanpa sebarang caj ini, anda akan menerima kadar keuntungan tetap yang akan dimaklumkan kepada anda terlebih dahulu semasa penukaran.